

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14

FELDA perkasa mekanisasi di ladang

FELDA perkasa mekanisasi di ladang



Inisiatif penting bagi kurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing

Kuala Lumpur: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkasa operasi perladaan bagi mengurangkan impak kejatuhan harga minyak sawit mentah (MSM).

Walauapun harga MSM masih tinggi berbanding pada 2020, kejatuhan ketara sejak beberapa minggu lalu menimbulkan keresahan kepada warga peneroka.

Pengaruh Besar FELDA, Datuk Amiruddin Abdul Satar berkata fokus FELDA sejak sekian lama adalah bagi meningkatkan produktiviti ladang peneroka yang diurusnya.

"Komitmen kita adalah untuk pastikan produktiviti ladang peneroka herada pada tahap terbaik. Walaupun ketika harga MSM berada di punca, kita tetap terus pergi inisiatif seperti mekanisasi

dan penggunaan teknologi supaya produktiviti meningkat dan pendapatan peneroka kita juga lebih baik," katanya ketika ditemui BH.

Amiruddin berkata, inisiatif memperkasa mekanisasi di ladang juga penting bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing.

"Sejak pandemik COVID-19 melanda, sektor perladaan berhadapan dengan isu serius kekurangan tenaga kerja di ladang. FELDA juga tidak terkecuali tetapi Alhamdulillah dengan usaha kita sebelum ini memperkenalkan mekanisasi di ladang, impak daripada kekurangan tenaga kerja itu dapat dikurangkan dan operasi di ladang kita masih dapat dijalankan," katanya.

Penggunaan mekanisasi juga dapat menurunkan biaya tempatan, termasuk generasi baharu FELDA untuk bekerja di ladang.

Pekerjaan ini sering menggunakan stigmatis pekerjaan berat yang tidak diminati oleh belia.

"Inisiatif mekanisasi yang kita laksanakan membolehkan kerja di ladang menjadi lebih ringan dan generasi baharu kita lebih berminat untuk menyediakan peluang pekerjaan di ladang kita."

"Kita juga perkenalkan inisiatif Kontrak Borong Kecil yang dapat mengurangkan birokrasi dalam



Mekanisasi "spreader" digunakan di ladang peneroka dapat mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing.



Amiruddin berucap pada Majlis Persiaran Hari Teknologi FELDA 2022 sebagai inisiatif meningkatkan produktiviti melalui teknologi dan mekanisasi

pemberian kontrak membabitkan kerja di ladang.

"Kerja ini juga dapat memberikan pendapatan yang lebih lumayan dengan satu kontrak ditawarkan dengan nilai maksimum RM5,000," katanya.

Beliau berkata, inisiatif yang dilaksanakan sudah mula membawa-

kan hasil di mana terdapat rancangan FELDA yang telah mencapai hasil lebih 30 tan perhektar setahun.

"Dengan inisiatif yang kita buat ini, ada antara rancangan kita yang sudah pun mendapat hasil lebih daripada 30 tan perhektar setahun di mana ini lebih tinggi da-

ri pada syarikat perladaan besar negara yang lain.

"Dengan pencapaian ini juga, Pengerusi FELDA, Tan Sri Idris Ju-soh, telah memperkenalkan Kelab 30 Tan bagi memberi galakan supaya rancangan-rancangan FELDA yang lain turut mencapai produktiviti yang tinggi seperti ini."

Kelab 30 Tan



1. FELDA Besut 5
2. FELDA Sungai Tengi Selatan

15 rancangan lagi berpotensi serta Kelab 30 Tan



Idris bersama Amiruddin dan barisan kepimpinan FELDA menunjukkan isyarat 30 sebagai simbolik Kelab 30 Tan yang mendukung aspirasi peningkatan produktiviti ladang peneroka.